

PENDAHALUAN

Kemiskinan merupakan salah satu fenomena yang sentiasa wujud pada semua zaman. Ini adalah kerana wujudnya dua golongan manusia dalam semua zaman, iaitu golongan yang berada dan golongan yang kurang berada. Jika dibandingkan negara kaya dan miskin, wujudnya jurang pendapatan yang amat ketara. Bahkan jika dilihat sesuatu negara yang kaya sekalipun, kewujudan dua golongan ini tetap ada. Di Malaysia, konsep awal kemiskinan adalah terbahagi kepada dua iaitu kemiskinan relatif dan kemiskinan mutlak. Konsep kemiskinan mutlak tidak mengambil kira persoalan kualiti hidup atau ketidakadilan sosial. Konsep ini menumpukan kepada nasib individu atau isi rumah yang tidak mampu untuk memenuhi keperluan asas dan bantuan adalah sekadar memenuhi kehendak minimum. Sementara konsep kemiskinan relatif pula melihat hubungan status ekonomi individu dalam masyarakat dalam konteks agihan pendapatan. Seseorang dianggap miskin sekiranya agihan pendapatan rendah daripada standard kehidupan dalam konteks sosial tertentu. Dalam menentukan taraf ekonomi negara, kadar kemiskinan merupakan satu elemen yang perlu di beri perhatian.

Islam sebagai ad-deen yang syumul, telah mewujudkan kaedah dan cara kepada umatnya dalam menangani fenomena ini. Zakat itu sendiri adalah merupakan salah satu instrumen ekonomi. Ini kerana, zakat mampu dijadikan indikator dalam menilai tahap 'kesihatan' ekonomi. Zakat mempunyai kesan yang berkadar langsung dengan ekonomi. Pengurusan zakat secara efisien dan sistematik mampu melonjakkan zakat sebagai instrumen pembangunan sosio-ekonomi dalam mengatasi kemiskinan. Ini menunjukkan zakat dan ekonomi amatlah berkait rapat dalam dalam membantu mengukuhkan kedudukan ekonomi serta menjamin keadilan dan kestabilan sosial menerusi pengurangan jurang pendapatan dalam kalangan masyarakat. Menerusi kewajipan berzakat, ia dapat mewujudkan sifat prihatin dan bertanggungjawab dalam diri individu itu sendiri agar mereka mengambil penduli mengenai golongan yang memerlukan dalam masyarakat.

Menyedari pentingnya institusi zakat dalam pembangunan ekonomi dan masyarakat, Akademi Zakat (AZKA) Pusat Pungutan Zakat (PPZ-MAIWP) menganjurkan program AZKA Talk yang menampilkan tokoh ekonomi Dr. Muhammed Abdul Khalid yang juga merupakan Penasihat Ekonomi Perdana Menteri bagi membincangkan topik yang bertajuk Zakat Pelengkap Instrumen Ekonomi.



ZAKAT SEBAGAI PELENGKAP INSTRUMEN EKONOMI

Dr. Muhammed Abdul Khalid
Penasihat Ekonomi Perdana Menteri Malaysia

“Zakat itu sendiri adalah merupakan salah satu instrumen ekonomi. Ini kerana, zakat mampu dijadikan indikator dalam menilai tahap ‘kesihatan’ ekonomi”

Dr. Muhammed Abdul Khalid dalam pembentangannya menyentuk tiga aspek utama iaitu peranan zakat dalam pembangunan ekonomi negara, cabaran-cabaran semasa dan peluang yang boleh diambil.

PERANAN INSTITUSI ZAKAT DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI

Ujarnya, masyarakat akan memperoleh manfaat dari pertumbuhan ekonomi yang sihat. Elemen zakat merupakan salah satu sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi. Dana zakat yang diagihkan kepada asnaf akan digunakan oleh asnaf terbabit untuk bekerja atau membeli pembelanjaan rumah mampu memampakan pertumbuhan ekonomi. Ujarnya lagi, duit yang diberikan kepada golongan miskin adalah lebih baik daripada diberikan pada orang kaya untuk pertumbuhan ekonomi. Ini kerana kadar penggandaannya adalah lebih tinggi kerana duit yang diterima golongan miskin akan digunakan untuk berbelanja walhal jika diberikan kepada golongan kaya keberangkalanian besar duit tersebut digunakan untuk pelaburan mahupun berbelanja di luar negara.



Jelasnya, Malaysia kini menghadapi isu-isu kemiskinan dari sudut dimensi baharu iaitu kemiskinan bandar dan kanak-kanak. Ini kerana kedua-dua dimensi ini merupakan instrumen penting dalam pertumbuhan ekonomi termasuk kebajikan masyarakat. Memang tidak dinafikan kini isu-isu kemiskinan kian berkurangan di Malaysia yang mana ramai bumiputera telah berjaya berada di dalam kelompok profesional seperti doktor dan usahawan namun dua dimensi ini kian membimbangkan masyarakat.



CABARAN-CABARAN SEMASA

“Dalam setahun, anggaran 12 peratus kutipan zakat meningkat yang mana lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi”

Mengulas tentang cabaran masa kini, Dr. Muhammed menafsirkannya kepada dua perkara iaitu kutipan dan pembahagian agihan kepada individu yang layak. Ulasnya, anggaran kenaikan kutipan zakat setahun adalah 12 peratus yang mana jauh lebih tinggi daripada pertumbuhan ekonomi.

“Terdapat ketidaksamarataan dari segi kutipan bagi setiap negeri yang mana negeri kaya mempunyai kutipan tinggi surplus dana zakat berbanding negeri miskin yang mempunyai kutipan jauh lebih rendah “defisit”. Namun begitu, dana zakat ini tidak boleh disalurkan pada negeri defisit,” katanya.

Perkara ini menyebabkan timbulnya isu kutipan rentas sempadan yang mana negeri miskin mengutip zakat pada negeri kaya.



Dalam pada itu, kutipan zakat juga berbeza dengan pendapatan cukai negara yang mana cukai di Malaysia lebih banyak daripada syarikat atau korporat berbanding individu. Jelasnya, margin antara pembayar dan jumlah yang diterima bagi kedua-duanya juga sangat besar iaitu kira-kira 70 peratus. Anggaran kutipan adalah 16 peratus daripada keseluruhan syarikat yang ada, ia melihatkan signifikan yang rendah. Bukan sahaja pada zakat, namun pada negara.

“Daripada 100 syarikat, hanya 16 peratus yang membayar. Daripada keseluruhan rakyat Malaysia pun begitu, lebih kurang 15 peratus yang membayar cukai. Mereka bukan melarikan diri tetapi disebabkan gaji atau pendapatan tidak mencukupi,” katanya.

Ulasnya, Program Khas Pengakuan Sukarela yang diperkenalkan oleh kerajaan bagi menggalakkan pembayar cukai tampil secara sukarela mengisytiharkan pendapatan yang bermula pada 03 November 2018 hingga 30 September 2019 merupakan satu aktiviti dalam mengenal pasti jumlah sebenar individu yang berpendapatan tinggi yang mempunyai akaun di luar negara.

“Seramai 280, 000 individu yang mengisytihar mempunyai akaun di luar negara. Manakala individu yang mempunyai pendapatan lebih RM2,000,000 setahun di Malaysia adalah seramai 2,000 individu”, katanya.

Ulasnya, jika dilihat statistik penjualan kereta-kereta mewah tahun 2019 adalah sebanyak 23,000 unit yang terdiri daripada 13,000 unit model Mercedes dan 10,000 model BMW. Namun individu yang mengisytiharkan pendapatan lebih RM 2,000,000 setahun adalah 2,000 individu. Ini menunjukkan individu yang berpendapatan tinggi adalah ramai namun hanya segilintir yang mengisytihar pendapatan.

“Isu ini juga sama untuk zakat, peluang untuk kutip dan orang patut bayar adalah lebih tinggi”, katanya.

Selain itu, cabaran dari segi aspek pembahagian agihan turut menyumbang kepada pertumbuhan sosial masyarakat. Kekangan yang dihadapi oleh setiap institusi zakat dalam mengenal pasti penerima yang layak menerima bantuan zakat berikutan perbezaan definisi kemiskinan. Setiap negeri mempunyai had kifayah yang berbeza dalam mengklasifikasi taraf kemiskinan individu.

“Malaysia kini menghadapi isu-isu kemiskinan dari sudut dimensi baharu iaitu kemiskinan bandar dan kanak-kanak”

Menurut Dr. Muhammed, definisi kemiskinan haruslah diselaraskan bagi setiap negeri. Walaupun isu kemiskinan adalah subjektif, berdasarkan keperluan masing-masing. Namun begitu, kadar kemiskinan boleh mengambil kira elemen keperluan asas yang minimum untuk setiap lapisan masyarakat.

Ulasnya, had kifayah di Kuala Lumpur adalah berjumlah RM 2,000 yang merangkumi 2 ibu ayah dan 3 anak.

“Dapatan kajian oleh Bank Negara bagi suami isteri yang mempunyai 2 anak tinggal di Kuala Lumpur memerlukan sekurang-kurangnya RM4,700”, katanya.

Persoalannya, bagaimana defisini kemiskinan yang subjektif ini dapat disamaratakan dengan definisi had kifayah. Selain itu, Dr. Muhammed menyarankan agar pihak institusi mengambil peluang berkolaborasi dengan Tabung Haji dan Amanah Saham Berhad (ASB) dalam mengenalpasti orang islam yang berpendapatan tinggi.

Mengulas mengenai kewujudan dan fungsi institusi zakat, Dr. Muhammed berkata adakah institusi zakat yang berfungsi sebagai kutipan dan agihan masih lagi relevan pada masa akan datang. Sekiranya terdapat instrumen lain yang lebih cekap seperti blockchain yang boleh melakukan fungsi kutipan dan agihan serta boleh menunjukkan transparansi data sehingga ke penerima zakat, adakah institusi zakat masih lagi diperlukan?

PELUANG YANG BOLEH DILAKSANAKAN



“Contohnya, syarikat perbankan kini tidak lagi memerlukan ada cawangan yang mana mereka hanya bergantung kepada aplikasi mudah alih”, katanya.

Ulasnya, pihak institusi zakat perlulah mengambil peluang penggunaan ICT terkini seperti blockchain dalam melakukan aktiviti kutipan dan agihan agar masyarakat dapat mencapai maklumat secara telus dan transparansi.

KESIMPULAN

Program AZKA Talk kali ke-3 ini berjaya mengulas mengenai peranan, cabaran dan peluang yang perlu diperhalusi oleh institusi zakat dalam meningkatkan kutipan dan agihan zakat. Sebagai contoh unsur-unsur yang baik boleh dipertingkatkan adalah dengan penggunaan ICT kepada semua lapisan masyarakat yang mana maklumat kutipan dan agihan perlu di gabung agar transparansi dan ketulusan maklumat dapat diperolehi oleh mana mana pihak berkepentingan. Keberkesanan perkongsian maklumat kutipan dan agihan ini akan menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat kerana ia dapat meyakinkan pembayar zakat bahawa setiap pembayaran yang ditunaikan akan mempunyai sejarah maklumat dan boleh dijejak sehingga kepada penerima asnaf.

Dari segi aspek peningkatan ekonomi negara juga turut memberi signifikan impak kepada peningkatan zakat. Justeru itu, kedudukan zakat sebagai institusi social haruslah lebih proaktif dalam merebut peluang bergading bahu dengan pihak pihak berkepentingan dalam membuat kajian dan penyelidikan dalam menguruskan kutipan dan agihan zakat yang lebih bersistematik dan telus.

